

COVID-19: 935 kes baharu, tiga lagi kematian
Astro Awani
26 November 2020
Hilmi Malik

PUTRAJAYA: Malaysia merekodkan sebanyak 935 kes baharu COVID-19 menjadikan jumlah kumulatif COVID-19 di Malaysia sebanyak 60,752 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu terdapat empat kes import yang menerima jangkitan dari luar negara “Kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 kini sebanyak 11,348 kes,” katanya menerusi kenyataan media pada Khamis.

Menurut Dr Noor Hisham, kes kematian baharu turut mencatat pertambahan sebanyak tiga kes menjadikan jumlah kes kematian di Malaysia kini sebanyak 348 kes.

Setakat ini, sebanyak 110 kes sedang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan daripada jumlah itu, 45 kes memerlukan bantuan alat pernafasan.

Sementara itu, Sabah kembali merekodkan jumlah kes penularan tertinggi mengikut negeri dengan pertambahan sebanyak 326 kes, diikuti Selangor 161 kes, dan Negeri Sembilan 158 kes.

Jumlah kes sembuh akibat COVID-19 terus catat pertambahan 2,555 kes menjadikan jumlah keseluruhan kes sembuh kini sebanyak 49,056 kes.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-935-kes-baharu-tiga-lagi-kematian-270323>